

## Kerangka Konseptual Penghayatan Ibadah Maliyah Mahasiswa Islam

Ahmad Ridwan Osman @ Hussin, Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Email of corresponding author: osmanridwan77@gmail.com

### Abstrak

Artikel ini bertujuan memaparkan sorotan literatur yang dikumpul bagi membentuk kerangka konseptual penghayatan *ibadah maliyah*. Semua perbuatan, amalan serta kegiatan dalam ibadah Islam itu terbahagi kepada lima bentuk iaitu ibadah *qawliyyah*, *jismiyyah*, *maliyyah*, *qawliyyah* dan *jismiyyah* dan *qawliyyah*, *jismiyyah* dan *maliyyah*. Di dalam kajian ini *ibadah maliyah* merujuk kepada pelaksanaan ibadah yang melibatkan harta yang dikhususkan kepada amalan bersedekah. Teori Tingkah laku Terancang yang diwakili oleh sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mendasari kerangka konsep ini. Dimensi penghayatan agama sangat disarankan di dalam banyak literatur untuk melengkap model ini, justeru pengkaji memilih penguasaan ilmu pengetahuan agama dan hubungan emosi (terhadap) agama dan sosialisasi agama ibu bapa digunakan sebagai asas pembentukan kerangka konseptual ini kerana ia menjelaskan sebab kepada tingkah laku keagamaan. Kekuatan pembentukan kerangka konseptual ini ialah penekanan terhadap horizon Islam. Penguasaan ilmu pengetahuan merujuk kepada pemahaman terhadap isi kandungan Al-Quran, Sunnah dan Sirah Rasulullah, manakala hubungan emosi bermaksud hubungan yang rapat dengan Allah.

Kata Kunci: Penghayatan *ibadah maliyah*, teori tingkah laku terancang, penguasaan ilmu agama, hubungan emosi, sosialisasi agama ibu bapa

### Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjelaskan bahawa potensi individu pelajar yang hendak dibangunkan perlu berlandaskan kepada penghayatan dan kepatuhan kepada agama. Justeru segala aspek kepercayaan, amalan dan keperibadian di dalam diri pelajar perlu diisi bagi memenuhi matlamat penghayatan agama. Individu Muslim dapat dilahirkan apabila amal ibadah diberi keutamaan seperti disebut di dalam banyak ayat Al-Quran antaranya: (bermaksud)

*Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.*

(An-Nahl: 97)

Kajian Dzuhaulmi, Krauss, Azimi dan Abdul Hadi (2014) terhadap belia berbilang kaum mendapati bagi item menjadi sukarelawan masjid/ aktiviti agama pada skor min yang sangat rendah iaitu 1.86. Dilaporkan juga sikap menderma remaja berada pada tahap tidak memberangsangkan, hanya lapan orang daripada 30 orang yang menderma dengan sangat kerap apabila kutipan derma amal dijalankan (Fariza & Salahudin, 2015). Kebajikan dari aspek sukarelawan dan menderma wang memberi gambaran bahawa penghayatan amal ibadah berada pada tahap yang kurang memuaskan. *Penghayatan amal ibadah maliyah seperti amalan bersedekah sangat penting diterapkan dalam kalangan generasi muda kerana ia dapat mendidik sikap kesyukuran kepada Allah serta kesederhanaan dan belas kasihan sesama manusia (Bensaid dan Grine, 2013). Fokus kepada generasi muda di dalam kajian ini juga penting bagi memberi galakan amalan bersedekah sepanjang hayat selari dengan kajian terdahulu yang menyarankan bahawa pengalaman bersedekah semasa muda akan diterjemahkan kepada amalan bersedekah pada usia dewasa.* (Hart, Donnelly, Youniss, & Atkins, 2007; Metz, McLellan, & Youniss 2003).

Derma awam sangat diperlukan bagi membantu golongan yang memerlukan. Lebih-lebih lagi di dalam

era di mana pembiayaan kerajaan sangat terhad. Usaha kebajikan kewangan memerlukan pemahaman tingkah laku penderma (Eng Ling, 2012). Walau bagaimanapun, kajian tingkah laku penderma dan niat khusus untuk menderma wang tidak diteroka secara meluas (Knowles, Hyde, & White, 2012). Memahami motivasi dan niat untuk menderma wang adalah bertujuan untuk membangunkan aspek penghayatan ibadah dan upaya pendidikan yang berkesan. Justeru, kajian ini mengkhusus kepada amalan bersedekah dalam kalangan mahasiswa. Pembentukan model *ibadah maliyah* dapat melihat faktor yang perlu diberi penekanan terhadap dorongan bersedekah dalam kalangan mahasiswa.

### **Ibadah Maliyah**

Semua perbuatan, amalan serta kegiatan dalam ibadah Islam itu boleh dibahagikan kepada lima bentuk iaitu ibadah *qawliyyah*, *jismiyyah*, *maliyyah*, *qawliyyah* dan *jismiyyah* dan *qawliyyah*, *jismiyyah* dan *maliyyah*. *Ibadah maliyah* diklasifikasikan sebagai pelaksanaan ibadah yang melibatkan harta. Terdapat tiga mekanisma utama dalam melakukan *ibadah maliyah* di dalam Islam iaitu zakat, waqf (endowment) dan sadaqa (bersedekah). Mekanisme itu menggalakkan kedermawanan kerana ibadah maliyah adalah asas kepada kemakmuran sosial.

### **Teori Tingkah Laku Terancang/ *Theory of Planned Behaviour* (TPB)**

Tingkah laku individu merupakan proses yang berasaskan rasional, di mana elemen seperti sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mempengaruhi individu membuat keputusan. TPB mencadangkan pengaruh elemen-elemen yang menjelaskan sesuatu tingkah laku bagi menggambarkan niat untuk bersikap dengan cara yang tertentu. Para penyelidik yang mengkaji TPB telah mendapati bahawa sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku menyebabkan 40-50 peratus varian terhadap niat untuk melakukan (Armitage dan Conner, 2001). Model TPB telah diguna pakai secara meluas oleh pengkaji sains tingkah laku berdasarkan keupayaannya meramal. TPB bukan sekadar menjelaskan niat bertingkah laku secara terus tetapi menjelaskan sebab dan kepercayaan yang berkaitan dengan sesuatu tindakan. Model ini telah diuji di dalam pelbagai konteks untuk meramalkan tingkah laku menderma (Konkoly dan Perloff, 1990). Tingkah laku menderma wang telah di ramal melalui aplikasi TPB (Okun dan Sloane, 2002). Terdapat juga penggunaan *extended-TPB* sebagai sumbangan kepada pengembangan teori di dalam kajian niat dan tingkah laku untuk menderma (Knowles, Hyde, & White, 2012; Smith dan McSweeney, 2007).

### **Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Tingkah Laku**

Sikap terhadap tingkah laku disebut sebagai perasaan positif atau negatif seseorang individu (kesan penilaian) terhadap tahap tingkah laku yang dikenalpasti (Fishbein & Ajzen, 1975 di dalam Ajzen 1991). Menurut Ajzen (1991), sikap terhadap tingkah laku secara umumnya memberi kesan terhadap niat lebih daripada dimensi norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Lebih-lebih lagi, dimensi sikap bergantung kepada *individual salient beliefs* (kepercayaan utama individu) (Conner & Armitage, 1998). Norma subjektif adalah pengaruh sosial yang dilihat sama ada berperanan mendorong untuk melakukan ataupun tidak melakukan sesuatu tingkah laku. Dapat diandaikan bahawa norma subjektif ditentukan oleh kepercayaan normatif (Ajzen, 1991). Kawalan tingkah laku merujuk kepada persepsi orang terhadap keupayaan mereka untuk melakukan tingkah laku .

### **Kajian Lepas**

Sorotan terhadap isu yang berkaitan menunjukkan TPB telah berjaya diterapkan dalam banyak bidang kajian termasuk dalam tingkah laku menderma (Linden, 2011; Saad, 2010; Bidin, 2008; Smith & Mcsweeney, 2007). Walau bagaimanapun, sangat sedikit kajian yang difokuskan pada tingkah laku amalan bersedekah yang spesifik merujuk kepada komuniti Islam

Dalam konteks tingkah laku menderma, selain Kashif dan De Run (2015) yang menjalankan kajian kepada responden masyarakat awam dengan menggunakan *extended-TPB*, Knowles, Hyde & White

(2012) juga menggunakan TPB untuk meramalkan niat orang muda untuk mendermakan wang kepada badan amal di Australia. Begitu juga, Linden (2011) memperluaskan konstruk TPB untuk menguji pengaruh enam pembolehubah sosial-psikologi iaitu; sikap, persif kawalan tingkahlaku, norma preskriptif, norma deskriptif, norma moral dan tingkah laku masa lalu mengenai hasrat individu untuk menderma untuk tujuan amal di United Kingdom. Sementara Smith dan Mcsweeney, (2007) menggunakan model TPB semakan semula untuk menentukan pengaruh sikap, norma (injunktif, deskriptif dan norma moral), kawalan tingkah laku, dan tingkah laku masa lalu mengenai niat untuk mendermakan wang kepada organisasi kebajikan di Australia.

Dalam kajian tingkah laku zakat di Malaysia, Sapinggi et al. (2011) mengkaji niat *muzakki* untuk membayar zakat pekerjaan di kalangan kakitangan akademik di universiti awam dan swasta di Malaysia. Saad (2010), mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pematuhan terhadap zakat perniagaan. Dengan menggunakan teori tingkah laku terancang, kajian itu mengenal pasti bahawa niat dan tingkah laku pematuhan dalam persekitaran zakat perniagaan. Begitu juga Bidin (2008) menggunakan teori tingkah laku terancang sebagai teori asas dalam menentukan tingkah laku kepatuhan membayar zakat pendapatan.

### Dimensi Religiositi

Penghayatan agama memainkan peranan utama di dalam menentukan sesuatu tingkah laku ibadah seperti amalan bersedekah dilakukan. Justeru model ini akan memasukkan aspek religiositi yang kurang di sentuh di dalam kajian-kajian lepas. Banyak kajian mencadangkan dimensi religiositi sebagai pelengkap kepada teori tingkah laku terancang ini. Iannacconne (1997) di dalam membicarakan *religious giving* meletakkan komitmen kepada kehadiran ke tempat ibadah sebagai faktor penting di dalam amalan menderma. Beliau juga mencadangkan modal keagamaan seperti penguasaan ilmu agama dan pengalaman beragama sebagai faktor komitmen kepada tingkah laku beragama (Iannaccone, 1990, Iannaccone & Klick 2003) Kashif dan De Run (2015), Kashif Syamsulang & Azizah, (2015) menyarankan supaya aspek religiositi dibincangkan bagi mengambil kira faktor tingkah laku amalan bersedekah. Bensaid dan Grine (2013) menyorot aspek etika dan kerohanian di dalam amalan sedekah seperti pegangan agama, undang-undang dan kemoralan. Muhammad Muda et al (2006), Nur Barizah & Hafiz Majdi, (2010) di dalam kajian berkaitan faktor pembayaran zakat tidak menafikan keutamaan faktor kepatuhan agama sebagai penyebab orang Islam membayar zakat. Di samping itu kajian mereka menekankan mencadangkan penguasaan pengetahuan agama sebagai aspek yang perlu diberi perhatian. Manakala Amirul Faiz (2012) menyarankan kepuasa agama sebagai peramal kepada aktiviti waqaf tunai. Dimensi agama dilihat menjadi peramal yang penting di dalam tingkah laku agama (El-Menouar, 2014) terutama di dalam amalan bersedekah. Beberapa aspek yang wajar dimasukkan ke dalam model ini ialah **penguasaan ilmu agama** dan **hubungan emosi** terhadap agama dan Pencipta (Finke, 2004; Finke & Dougherty, 2002) manakala aspek psikososial yang dicadangkan oleh Knowles, Hyde & White (2012) dan modal kemanusiaan dan modal sosial saranan Mesch, Rooney, Steinberg & Denton (2006) menunjukkan konsep **sosialisasi agama ibu bapa** sangat sesuai meramalkan tingkah laku agama (Corcoran 2012; Granqvist & Hagekull, 1999)

### Penguasaan Ilmu Agama (Faqih fi Ad-din)

Ilmu Pengetahuan agama merujuk kepada pengetahuan tentang Islam secara umum, pengetahuan terhadap isikandungan Al-Quran dan pengetahuan terhadap sirah dan sunnah Rasulullah. (El-Menour 2014). Konsep ini bertepatan dengan Hadis daripada Muawiyah yang bermaksud :

*Barangsiapa dikehendaki baginya kebaikan oleh Allah, Maka Dia akan memberikan pemahaman agama kepadanya.*  
[Shahih Bukhari: 71 dan Shahih Muslim: 1037]

### Hubungan Emosi (Ihsan)

Hubungan emosi telah ditakrifkan oleh Glock (1969) dan Stark (1965) sebagai hubungan rapat yang terbina kerana pengalaman di dalam agama. Di dalam kajian ini ia didefinisikan sebagai hubungan yang rapat dengan Allah sehingga seakan dapat berkomunikasi denganNya (Waardenburg 2002). Hadis yang

masyhur [HR Muslim, no. 8 di dalam Syarah An-Nawawi] merekodkan hubungan ini sebagai salah satu dimensi (perihal berkaitan) agama Islam yang disebut Ihsan. Ia merupakan akhlak baik dan amal ibadah yang di dasari dengan mempersaksikan Allah berada dekat (Al-Nawawi: 2000).

**Sosialisasi Agama Ibu Bapa**


Sosialisasi agama ibu bapa didefinisikan sebagai proses pemindahan nilai-nilai, kepercayaan dan amalan-amalan keagamaan oleh ibu bapa kepada anak-anak (Granqvist and Hagekull 1999). Hubungan penghayatan amalan agama dan sosialisasi ibu bapa dapat dilihat daripada beberapa aspek, antaranya persediaan ibu bapa melengkapkan diri dengan ilmu agama (Henderson, Uecker & Stroope, 2016), penerapan elemen penghayatan agama di dalam cara mendidik (Rohana dan Norhasni, 2013; Gunnoe, Hetherington & Reiss, 1999) dan pemindahan aspek keagamaan kepada anak-anak (Siti Raba'ah, Turiman, Azimi & Ezhar, 2014; Krauss, 2014; Krauss & Ortega, 2013).

**Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang/ *Theory of Planned Behaviour* (Ajzen, 1985). Teori ini didasari oleh tiga konstruk iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Kajian ini cuba memasukkan tiga konstruk baru mewakili dimensi religiositi iaitu Penguasaan Ilmu Agama, Hubungan Emosi dan Sosialisasi Agama Ibu Bapa ( Rajah 1.1)

**Kesimpulan**

Kajian terhadap tingkah laku menderma atau amalan bersedekah telah menampilkan pelbagai konstruk ataupun peramal. Teori tingkah laku terancang (TPB) telah menjelaskan 40-50 % varian di dalam keupayaan meramal tingkah laku berkaitan. *Extended-TPB* (Smith dan McSweeney (2007) dengan enam konstruk dapat menjelaskan 70% varian di dalam niat dan tingkah laku menderma (Linden, 2011). Terdapat juga konstruk dan model lain yang menjelaskan faktor tingkah laku berkaitan menderma/bersedekah, sumbangan kewangan lain seperti zakat dan waqaf tunai. Religiositi dengan pelbagai dimensi disarankan oleh banyak penyelidik untuk diteroka dan ditambahkan ke dalam teori ini.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Penghayatan Ibadah Maliyah

**Rujukan**

Al-Quran  
 Al-Bukhari, A. A. M. B. (2008). Ismail. *Shahih Bukhari*.  
 Muslim, I. (1991). *Shahih Muslim. Beirut: Darul Fikr. jilid V.*

- Al-Nawawi, (2000). *Hadith Empat Puluh*. (Mustafa Abdul Rahman). Shah Alam.: Dewan Pustaka Fajar
- Ajzen, I. (1991). Theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211.
- Armitage, C. J., & Conner, M. (2001a). Efficacy of the theory of planned behaviour: A meta-analytic review. *British Journal of Social Psychology*, 40, 471–489
- Barizah, N., & Bakar, A. (2010). Motivations of Paying Zakat on Income : Evidence from Malaysia, 2(3), 76–84.
- Bensaid, B., & Grine, F. (2013). Ethico-Spiritual Dimensions of Charity : An Islamic Perspective Department of Islamic History and Civilization , Academy of Islamic Studies , 13(2), 171–182. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.2.1791>
- Bidin, Z. (2008). Faktor-Faktor Penentu Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji. Ph.D Thesis. Universiti Utara Malaysia.
- Corcoran, K. E. (2012b). Religious human capital revisited : Testing the effect of religious human capital on religious participation. <https://doi.org/10.1177/1043463112453550>
- Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abdul Hadi Sulaiman (2014). Pegangan Agama dalam kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 117–130.
- El-menouar, Y. (2014). The Five Dimensions of Muslim Religiosity . Results of an Empirical Study. *Methods, Data, Analyses |*, 8(1), 53–78. <https://doi.org/10.12758/mda.2014.003>
- Eng Ling, H. (2012), “A study of the relationship between indicators and public donation intention in Penang: a perspective of planned behaviour theory with inclusion of some cognitive factors” doctoral dissertation, USM, Penang.
- Fariza, M.S., Salahudin, Y.(2015). Religiosity of Muslim adolescents from single parent families living in government-subsidised settlement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(2), 31–42. Retrieved from <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-84953324445&partnerID=40&md5=e6d9c806a6dc0f9388588ddd5b5ac5ef>
- Finke, R. (2004). Innovative Returns to Tradition: Using Core Teachings as the Foundation for Innovative Accommodation. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 43(1), 19–34. <https://doi.org/10.1111/j.1468-5906.2004.00215.x>
- Finke, R., & Dougherty, K. D. (2002). The Effects of Professional Training: The Social and Religious Capital Acquired in Seminaries. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 1(1), 103–120. <https://doi.org/10.1111/1468-5906.00104>
- Glock, C. Y. (1962). on the Study of Religious Commitment. *Religious Education*, 57(sup4), 98–110. <https://doi.org/10.1080/003440862057S407>
- Granqvist, P., & Hagekull, B. (1999). Religiousness and perceived childhood attachment: Profiling socialized correspondence and emotional compensation. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 38(2), 254–273. <https://doi.org/10.2307/1387793>
- Gunnoe, M. L., Hetherington, E. M., & Reiss, D. (1999). Parental religiosity, parenting style, and adolescent social responsibility. *The Journal of Early Adolescence*, 19(2), 199–225. <https://doi.org/10.1177/0272431699019002004>
- Hamzah, S. R., Suandi, T., Hamzah, A., & Tamam, E. (2014). The Influence of Religiosity, Parental and Peer Attachment on Hedonistic Behavior among Malaysian Youth. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 122, 393–397. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.1360>
- Hart, D., Donnelly, T. M., Youniss, J., & Atkins, R. (2007). High school community service as a predictor of adult voting and volunteering. *American Educational Research Journal*, 44, 197–219.
- Henderson, W. M., Uecker, J. E., & Stroope, S. (2016). The Role of Religion in Parenting Satisfaction and Parenting Stress Among Young Parents. *Sociological Quarterly*, 57(4), 675–710. <https://doi.org/10.1111/tsq.12147>
- Iannaccone, L. R. (1990). Religious Practice: A Human Capital Approach. *Journal for the Scientific*

- Study of Religion*, 29(3), 297–314. <https://doi.org/10.2307/1386460>
- Iannaccone, L. R. (2016). *Skewness Explained : A Rational Choice Model of Religious Giving*. Published by : Wiley on behalf of Society for the Scientific Study of Religion Stable URL : <http://www.jstor.org/stable/1387549> Skewness Explained : A Rational Choice Model of Religious Givi, 36(2), 141–157.
- Iannaccone, L. R., & Klick, J. (2003). Spiritual Capital: An Introduction and Literature Review. *October*, (September), 1–10. Retrieved from [http://www.metanexus.net/spiritual\\_capital/pdf/Review.pdf](http://www.metanexus.net/spiritual_capital/pdf/Review.pdf)
- Kashif, M. (2015). Charity donation : intentions and behaviour. <https://doi.org/10.1108/MIP-07-2013-0110>
- Kashif, M., & Run, E. C. De. (2015). Money donations intentions among Muslim donors : an extended theory of planned behavior model. <https://doi.org/10.1002/nvsm>
- Krauss, S. E., Hamzah, A., Ismail, I. a., Suandi, T., Hamzah, S. R., Dahalan, D., & Idris, F. (2014). Parenting, Community and Religious Predictors of Positive and Negative Developmental Outcomes among Muslim Adolescents. *Youth & Society*, 46(2), 201–227. <https://doi.org/10.1177/0044118X12464062>
- Konkoly, T. H., & Perloff, R. M. (1990). Applying the theory of reasoned action to charitable intent. *Psychological Reports*, 67, 91–94.
- Knowles, S.R., Hyde, M.K. and White, K.M. (2012), Predictors of young people's charitable intentions to donate money: an extended theory of planned behaviour perspective, *Journal of Applied Social Psychology*, 42 (9), 2096-2110.
- Linden, S. Van Der. (2011). Charitable Intent : A Moral or Social Construct ? A Revised Theory of Planned Behavior Model, 355–374. <https://doi.org/10.1007/s12144-011-9122-1>
- Mesch, D. J., Rooney, P. M., Steinberg, K. S., & Denton, B. (2006). The Effects of Race , Gender , and Marital Status on Giving and Volunteering in Indiana, 35(4), 565–587. <https://doi.org/10.1177/0899764006288288>
- Metz, E., McLellan, J., & Youniss, J. (2003). Types of voluntary service and adolescents' civic development. *Journal of Adolescent Research*, 18, 188– 203.
- Muhammad, M., Ainulashikin, M., & Amir, S. (2006). *Factors influencing individual participation in zakat contribution: exploratory investigation*.
- Okun, M. A., & Sloane, E. S. (2002). Application of planned behavior theory to predicting volunteer enrollment by college students in a campus-based program. *Social Behavior and Personality*, 30, 243–250.
- Ortega, A., & Krauss, S. E. (2013). Religiosity among Muslim adolescents according to gender and school type. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 21(July), 139–146.
- Rohana, T., Norhasni, Z. A., Azimi, H., & Fathiyah, M. F. (2013). Pengaruh Faktor Psikososial ke Atas Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia Institusi Pengajian Tinggi Awam Terpilih di Malaysia ( The Influence of Psychosocial Factors on Islamic Moral Value ( Akhlaq ) Among Youth in Selected Public University ). *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 55–64.
- Rohana, T., Norhasni, Z. A (2014). Akidah, Akhlak Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Belia Di Institusi Pengajian Tinggi. *Edusentris*, 1(1). Retrieved from <http://ejournal.sps.upi.edu/index.php/edusentris/article/view/12>
- Saad, R. A. (2010). *Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah Darul Aman*. Ph.D Thesis. Universiti Utara Malaysia
- Smith, J. R., & McSweeney, A. (2007). Charitable giving: The effectiveness of a revised theory of planned behaviour model in predicting donating intentions and behaviour. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 17, 363–386.
- Stark, R. (1965). A taxonomy of religious experience. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 5(1), 97–116. <https://doi.org/10.2307/1384259>
- Waardenburg, J. J. (2002). *Islam: historical, social, and political perspectives* (No. 40). Walter de Gruyter.